

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
[TELOK KEMANG]**

TARIKH : 09.06.2014 (ISNIN)

SOALAN :

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- (a) penjelasan berkaitan kenyataan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang terpaksa menanggung kos paling tinggi ketika menyiasat kes penyelewengan dan pecah amanah bekas Pengarah urusan Perwaja Steel Sdn. Bhd.; dan
- (b) nyatakan kes-kes lain yang berprofil tinggi beserta kos tanggungan bagi menangani kes-kes tersebut.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) SPRM tidak menyediakan kos yang sebenarnya dalam mana-mana siasatan termasuk kes Perwaja Steel Sdn Bhd. Kemungkinan kos yang tinggi dalam kes siasatan penyelewengan dan pecah amanah bekas Pengarah urusan Perwaja Steel Sdn. Bhd adalah disebabkan:
- i) siasatan mengambil masa yang agak lama untuk mengumpulkan bukti iaitu dari tahun 1996 hingga 2004;
 - ii) melibatkan tugas di luar Negara bagi mendapatkan keterangan saksi-saksi dan dokumen-dokumen dari luar negara kerana ianya melibatkan prosedur perundangan negara berkenaan yang rumit. Antara negara yang terlibat adalah Switzerland, Hong Kong dan Jepun;
 - iii) kos tinggi termasuk perbelanjaan perjalanan, penginapan dan saksi-saksi semasa siasatan dijalankan.

- (b) SPRM menyiasat setiap kesalahan rasuah dengan adil tanpa membezakan kes tersebut berprofil tinggi ataupun tidak. Namun demikian, dalam menjalankan tugas penyiasatan, SPRM sentiasa berhemah dalam perbelanjaan berdasarkan peruntukan sedia ada yang telah diluluskan oleh Kerajaan.

Sekian, terima kasih